

Newspaper

Berita Harian

Date

13 February 2016

Fitnah terhadap Tabung Haji meresahkan rakyat: Najib

BH- 13/2/2016

» *Khobar angin media sosial cetus suasana tak tenteram, merugikan pelabur*

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak kesal dengan penyebaran maklumat tidak tepat mengenai Lembaga Tabung Haji (TH) sehingga mewujudkan suasana tidak tenteram dalam negara dan merugikan rakyat.

Perdana Menteri, berkata penyebaran berita dan khobar angin dalam laman web dan media sosial oleh golongan tidak bertanggungjawab demi kepentingan politik dan perubahan itu menimbulkan rasa tidak percaya masyarakat terhadap institusi kewangan dan kebijakan Islam negara.

Elak terpengaruh

"Jika ada umat Islam terpengaruh dengan kenyataan tidak tepat ini sehinggakan mengeluarkan simpanan mereka di dalam Tabung Haji, ini amat mendukacitakan saya.

"Pelabur kini bukan bukan sahaja kerugian dari segi pulangan pelaburan dan simpanan, malah peluang untuk menunaikan ibadat haji ke Makkah," katanya dalam catatan terbaharu di blog NajibRazak.com, semalam.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata satu daripada peranan TH adalah sebagai badan pelaburan dana Islam yang membolehkan



"Saya faham ada sesetengah pihak yang berniat mencatur langkah politik dengan mempermainkan dan mencetuskan kebencian rakyat, namun saya nasihatkan agar semua ini dihentikan"

Najib Razak
Perdana Menteri

umat Islam di Malaysia menyimpan dan melabur secara halal serta berteraskan syariat Islam.

Beliau berkata disebabkan pelbagai kenyataan yang amat tidak bertanggungjawab terhadap TH, umat Islam yang mengeluarkan simpanan tidak dapat lagi menikmati pulangan daripada TH.

"Lebih malang lagi, mereka yang berbuat sedemikian juga mungkin kehilangan giliran menunaikan haji," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan TH ditubuhkan pada 1963 dengan matlamat utama untuk membolehkan rakyat Malaysia menunaikan rukun Islam kelima itu.

"Kerajaan telah dan akan terus berusaha untuk membolehkan seramai mungkin umat Islam menunaikan fardu haji dan satu caranya ialah melalui subsidi bagi mereka yang menunaikan haji buat

kali pertama.

"Bagi 1437 Hijrah, kos sebenar menunaikan haji adalah RM18,890 seorang, tetapi jumlah yang perlu dibayar oleh bakal haji cuma RM9,980. Selebihnya RM8,910 ditanggung oleh Tabung Haji," katanya.

Beliau berkata, jika dibandingkan dengan negara lain, kos menunaikan haji bagi rakyat Malaysia adalah antara yang paling rendah.

Runding kuota haji tambahan

Perdana Menteri juga berkata hasil hubungan diplomatik erat Malaysia-Arab Saudi, kerajaan negara itu dari semasa ke semasa memberikan kuota tambahan jemaah kepada Malaysia.

"Tahun lalu misalnya, Malaysia mendapat tambahan kuota 2,100 jemaah haji muassasah, berbanding kuota

asal 22,320. Insyaa-Allah kerajaan akan terus berusaha menambah lagi kuota," kata Najib.

Rekod TH cemerlang

Beliau berkata pengurusan cemerlang Tabung Haji dan tahap disiplin tinggi jemaah Malaysia juga sering dipuji oleh pihak berkuasa Arab Saudi.

Justeru, amat rugi jika semua kerja keras, hubungan baik, pengiktirafan serta kelebihan menunaikan ibadat haji ini menjadi sia-sia akibat kenyataan tidak bertanggungjawab yang disebarkan oleh ahli politik dan pengguna media sosial.

"Saya faham ada sesetengah pihak yang berniat mencatur langkah politik dengan mempermainkan serta mencetuskan kebencian rakyat, namun saya nasihatkan agar semua ini dihentikan," tegasnya.

BERNAMA